

Kuat kuasa gaji minimum 1 Julai

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 2 Mei - Perintah Gaji Minimum (PGM) 2016 akan dikuatkuasakan terhadap semua majikan tanpa mengira bilangan pekerja bermula 1 Julai ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem berkata, pelaksanaan PGM 2016 sejajar persetujuan kerajaan terhadap kajian PGM 2012 oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan pengumuman penetapan kadar gaji minimum oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika pembentangan Bajet 2016 yang lalu.

Katanya, tarikh pelaksanaan perintah dan penetapan kadar gaji minimum merupakan antara perkara utama yang terkandung dalam PGM 2016.

“Antara perkara utama PGM 2016 adalah pengekalan pemakaiannya kepada semua pekerja dalam sektor swasta kecuali perkhidmatan domestik sebagaimana terkandung dalam PGM 2012.

“Selain itu, kadar gaji minimum bulanan dan jam ditetapkan mengikut wilayah iaitu RM1,000 sebulan atau RM4.81 sejam bagi Semenanjung Malaysia manakala RM920 atau RM4.42 sejam untuk Sabah, Sarawak dan Labuan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Richard Riot, kadar gaji minimum harian turut dimasukkan dalam PGM

2016 yang tertakluk kepada jumlah jam bekerja maksimum seminggu iaitu 48 jam.

Jelasnya, bagi Semenanjung Malaysia kadar gaji minimum harian ditetapkan bermula dari RM38.46 sehingga RM57.69 untuk bilangan hari kerja antara enam dan empat hari.

“Sementara untuk Sabah, Sarawak dan Labuan pula ditetapkan kadar minimum harian dari RM35.38 hingga RM53.08 untuk tempoh bilangan kerja antara enam dan empat hari,” ujarnya.

Dalam masa sama, Richard Riot menjelaskan, PGM 2016 turut menyentuh pelaksanaan gaji pokok para pekerja yang berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, tugas, perjalanan dan komisen dengan kadar gaji bulanan hendaklah tidak kurang daripada RM1,000 (Semenanjung Malaysia) atau RM920 (Sabah, Sarawak dan Labuan).

“Klausu berhubung permohonan penundaan, rundingan penstrukturan semula gaji dan pengurangan kadar gaji minimum bagi pekerja dalam tempoh percubaan yang terdapat dalam PGM 2012 tidak ditetapkan dalam PGM 2016.

“Bagi pekerja-pekerja yang masih menjalani tempoh percubaan melangkaui 1 Julai ini, tiada pengurangan kadar gaji minimum dibenarkan bagi mereka yang masih dalam



RICHARD RIOT JAEM

tempoh percubaan bermula tarikh tersebut,” ujarnya.

Beliau menjelaskan, garis panduan yang dikeluarkan oleh MPGN pada 6 September 2012 selaras dengan penguatkuasaan PGM 2012 adalah dimansuhkan selaras berkuatkuasanya PGM 2016.

Mengulas lanjut, Richard Riot memberitahu, kerajaan telah meneliti kadar gaji minimum baharu itu dengan

mengambil pendekatan seimbang menerusi pertimbangan kepentingan antara pihak majikan dan pekerja.

“Pewartaan PGM 2016 ini membuktikan kerajaan amat komited dalam melindungi kepentingan warga pekerja di samping tidak mengabaikan kepentingan majikan.

“Sehubungan itu, penguatkuasaan akan terus teras giat dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja bagi memastikan majikan mematuhi pembayaran gaji minimum itu.

“Kerajaan berharap menetapkan kadar gaji minimum baharu ini dapat melonjakkan pendapatan pekerja sekali gus membantu meningkatkan ekonomi Malaysia dalam mencapai hasrat mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020,” katanya yang memberitahu salinan perintah PGM 2016 boleh diperolehi dalam laman sesawang Kementerian Sumber Manusia iaitu www.mohr.gov.my.